

# BAB KEEMPAT

## **BAB IV**

### **PERMASALAHAN**

Hasil pengamatan melalui kajian ini, masalah yang dapat dikenal pasti di dalam pengurusan dan pembahagian hartanah pusaka orang Islam secara umumnya boleh dikategorikan kepada tiga punca utama, iaitu masalah yang timbul akibat daripada sikap dan tindakan orang ramai terutamanya di kalangan ahli waris dan masalah yang ditimbulkan oleh pihak si mati sebelumnya serta masalah yang timbul daripada sistem pentadbiran pusaka agensi-agensi yang terlibat dan aspek perundangan. Punca-punca ini menjadi faktor penyumbang kepada kelambatan proses pembahagian harta pusaka hartanah orang-orang Islam di Kelantan.

#### **4.1 Masalah yang timbul dalam sistem pentadbiran dan aspek perundangan**

Terdapat masalah di dalam sistem pentadbiran dan undang-undang itu sendiri yang menjejaskan kelancaran proses pembahagian harta pusaka.

##### **4.1.1 Ketiadaan Had Masa Bagi Penghantaran Status Permohonan**

Berhubung dengan perkara ini, peruntukan di dalam Akta Pusaka Kecil 1955 itu secara jelas terdapat kesamaran dan keraguan yang

kadangkala mendatangkan masalah kepada PPP dalam usaha menjalankan tugasnya. Sebagai contoh, seksyen 8(3) memperuntukkan bahawa pegawai yang bertugas dimestikan memberitahu pihak Pendaftar Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan penjelasan tentang status harta pusaka yang dipohonkan oleh pemohon.

Walau bagaimanapun, tidak ada penentuan masa yang dihadkan. Seksyen ini tidak memberikan limit masa yang tertentu bagi Pentadbir Tanah yang bertugas untuk menghantar petisyen tersebut. Perkataan "selepas itu" boleh diertikan dengan bila-bila masa sahaja samada satu hari, dua hari atau sampai berbulan-bulan sehingga menyebabkan pemrosesannya akan tertunda.

Di samping itu, tidak terdapat di dalam seksyen ini suatu tarikh atau tempoh yang pasti bagi pihak Pendaftar Mahkamah Tinggi memberikan jawapan di atas petisyen yang dikemukakan oleh pihak PPP. Keadaan ini boleh membawa kepada pengambilan masa yang lama dan masa lebih banyak terbuang dan pergantungan keputusan sesuatu kes tertunda sehingga berbulan-bulan.<sup>1</sup>

#### **4.1.2 Kelonggaran bagi Pihak Ahli Waris dan Saksi untuk Menghadiri Perbicaraan**

Merujuk kepada seksyen 11(1) menetapkan bahawa semua pihak atau saksi dalam permohonan harta pusaka tertentu wajib hadir dalam

perbicaraan yang dijalankan, memandangkan kepada kesenangan pihak-pihak ahli waris dan saksi-saksi. Seajar dengan itu, sekiranya terdapat saksi yang ada kepentingan tidak dapat menghadirkan diri atau sengaja mencipta alasan untuk tidak menghadirkan diri, maka perbicaraan tidak dapat diteruskan dan terpaksa ditangguhkan ke satu masa yang sesuai dengan persetujuan dari semua pihak. Proses ini bukanlah suatu perkara yang begitu mudah untuk diatur.

Ketidak hadirannya waris atau saksi semasa perbicaraan dijalankan mungkin berpunca dari adanya percanggahan kepentingan di atas tanah pusaka yang sedang diuruskan ataupun disebabkan masalah peribadi yang lain. Pemohon atau ahli waris tidak dapat dikesan melalui alamat yang diberikan didalam borang permohonan iaitu Borang A. Ini berkemungkinan ia telah berpindah, meninggal dunia ataupun alamat yang diberikan tidak jelas untuk dihubungi.

#### **4.1.3 Kelemahan Di dalam Memenuhi Borang**

Di samping masalah-masalah tersebut, terdapat pelbagai masalah yang berkaitan dengan lampiran-lampiran tertentu yang menjadi prasyarat yang perlu dipenuhi sebelum mengisi formaliti-formaliti yang berkenaan. Di antaranya, maklumat mengenai si mati dan salinan sijil kematian, maklumat waris-waris dan salinan kad pengenalan setiap ahli waris, hubungan kekeluargaan dan maklumat hakmilik harta-harta si mati dan

sebagainya. Maklumat-maklumat yang dikemukakan secara tidak lengkap tidak akan membolehkan perintah pembahagian dikeluarkan.<sup>2</sup>

#### **4.1.4 Kegagalan Mengemukakan Petua ( Fatwa ) Pusaka**

Selain itu, pemohon gagal mengemukakan petua pusaka setelah diminta berbuat demikian oleh PPP samada kerana tidak memohon dari Mahkamah Syariah ataupun pihak mahkamah lewat mengeluarkannya kerana wujud masalah yang berbangkit. Seperti dalam kes penentuan nasab, hibah dan harta sepencarian sesuatu kes yang dirujuk ke mahkamah perlu melalui prosiding dan ini memakan masa yang agak lama.<sup>3</sup> Berbeza dengan permohonan petua pusaka yang tidak bermasalah yang dapat di laksanakan dalam tempoh masa seminggu bagi kematian selapis dan tempoh maksimum 2 minggu bagi kematian berlapis.<sup>4</sup>

Walaupun dalam peruntukan Akta 97 membolehkan PPP membuat rujukan di atas sesuatu perkara syari'e ke Mahkamah Syariah, tetapi mengikut pentadbiran undang-undang mal Mahkamah Syariah ianya hendaklah dikemukakan oleh pihak menuntut dan bukannya oleh PPP sebagai orang ketiga. Keengganan ahli waris membuat tuntutan yang diarahkan menyebabkan PPP dalam keadaan dilema di dalam memutuskan pembahagian pusaka. Keadaan ini akan berlaku dalam kes anak angkat yang telah dibinkan kepada si mati, sedangkan mengikut hukumnya ianya bukan dikira sebagai ahli waris.<sup>5</sup>

#### 4.1.5 Kelemahan Pada Surat Kuasa Tadbir

Pemilik-pemilik rumah awam kos rendah yang status pemilikan mereka sebagai penyewa melalui perjajian sewa beli turut menghadapi masalah kerana mereka tidak mempunyai apa-apa bentuk surat hakmilik selain dari surat perjanjian sewa beli dengan Pihak Berkuasa Negeri. Keadaan ini menyebabkan kepentingan si mati tidak dapat diturunmilik kepada waris-waris, melainkan dengan hanya mengeluarkan surat kuasa tadbir.<sup>6</sup>

Kecenderungan mengeluarkan surat kuasa tadbir ini meninggalkan banyak masalah kepada pihak waris. Selain daripada terpaksa hadir semula untuk perbicaraan kemudian (*subsequent application*) apabila hakmilik diperolehi, waris-waris tidak boleh menjalankan apa-apa urusan di atas harta-harta berkenaan. Kadangkala pemohon atau waris-waris mengambil masa terlalu lama (bergantung kepada pengeluaran hakmilik) untuk hadir semula ke Pejabat Tanah bagi membatalkan surat kuasa tadbir tersebut. Banyak kes terjadi dimana pemegang surat kuasa turut meninggal dunia kemudiannya dan proses penyelesaian harta pusaka terhenti ketika itu sahaja.

#### **4.1.6 Kematian Pemegang Surat Kuasa Tadbir**

Banyak kes-kes pemegang surat kuasa tadbir (LA) yang dibuat di Mahkamah Tinggi dibawah Akta Probet dan Pentadbiran, telah meninggal dunia sebelum sempat membahagikan harta pusaka kepada ahli waris. Mengikut kehendak Akta tersebut permohonan surat kuasa tadbir de-bonis-non hendaklah dibuat bagi menggantikan pemegang surat kuasa tadbir yang telah meninggal dunia, namun banyak kes dibiarkan sehingga menyebabkan pertambahan waris yang ramai dan keadaan begitu rumit.<sup>7</sup>

#### **4.1.7 Kelemahan Pada Seksyen 15 Akta Kawasan Penempatan Berkelompok 1960**

Urusan pembahagian harta pusaka melibatkan tanah-tanah dibawah Akta Kawasan Penempatan Berkelompok sekarang ini cenderung memperlihatkan beberapa kesukaran dan kebuntuan. Pemohonan pembahagian pusaka melibatkan tanah-tanah dibawah skim FELDA, KESEDAR, FELCRA dan rancangan tanah pinggir kerajaan negeri semakin hari semakin meningkat. Bagaimanapun sebahagian daripada permohonan tersebut gagal diselesaikan berpunca daripada beberapa masalah termasuk sekatan tertentu didalam Akta berkenaan iaitu Seksyen 15(1), (2) dan (3) Akta membataskan penurunan milik tanah kepada lebih dari seorang dilihat sebagai punca utama kegagalan pihak waris menyelesaikan pusaka mereka.

Walaupun kaedah penyelesaian kepada masalah di atas dinyatakan di bawah Seksyen 16 Akta yang sama, namun nilai pasaran tanah yang tinggi tidak memungkinkan mana-mana waris membayar bahagian waris-waris yang lain. Lelongan kepada individu di luar daripada ahli waris sebagaimana dibenarkan di bawah seksyen tersebut, sukar dilaksanakan kerana ianya tertakluk kepada beberapa peruntukan lain akta berkenaan seperti Seksyen 14 dan 15. Apa yang dapat dilakukan adalah sekadar mengeluarkan surat kuasa tadbir kepada waris tertentu untuk suatu suatu tempoh yang tidak terbatas. Rekod Seksyen Pembahagian Pusaka menunjukkan hampir 40% daripada tanah-tanah pusaka dibawah Akta Penempatan Berkelompok tidak dapat diselesaikan selain dari mengeluarkan surat kuasa tadbir.<sup>8</sup>

Dalam kes\* yang melibatkan tuntutan harta sepencarian terutamanya di kalangan suami isteri yang bekerja, lazimnya berlaku pengumpulan harta secara bersama dari sumber pendapatan mereka. Bagaimanapun harta yang dimodalkan bersama tersebut tidak didaftarkan pemilikannya secara bersama, sebaliknya pendaftarannya dibuat di atas nama suami ataupun isteri secara berseorangan. Isu harta sepencarian atau harta syarikat kebelakangan ini menjadi tajuk penting perbincangan yang melibatkan tanah-tanah di bawah Akta Kawasan Penempatan Berkelompok 1960. Isteri-isteri peneroka yang diceraikan atau kematian suami menuntut hak bersama mereka yang diperolehi hasil sumbangan tenaga bersama di antara suami isteri.<sup>9</sup>



Mengikuti perkembangan terbaru, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi bercadang memasukkan nama isteri pertama peneroka Felda sebagai pewaris menerusi pindaan terhadap Akta Penempatan Kelompok yang akan dibentangkan di Parlimen sebelum akhir tahun 2001. Tindakan menamakan isteri sebagai pewaris juga dapat memastikan hak mereka terus terjamin selepas kematian suami.<sup>10</sup>

#### **4.2 Masalah yang timbul dari orang ramai**

Permasalahan yang ditimbulkan khususnya oleh ahli waris merupakan faktor terbesar berlakunya ketidak-lancaran dalam urusan pembahagian hartanah pusaka. Di antara punca-punca kegagalan pihak waris membuat permohonan harta pusaka atau perbicaraan pusaka itu tertangguh yang telah dikenalpasti ialah :

##### **4.2.1 Ketidakhahaman tentang Prosedur**

Realiti memperlihatkan rata-rata umat Islam hari ini kurang memahami dan jahil tentang peruntukan perlembagaan dan akta-akta yang berkaitan dengan harta pusaka serta prosedur-prosedur yang berkaitan dengan sistem pengurusan dan pembahagiannya. Pihak waris berpendapat bahawa proses permohonan pusaka merupakan satu proses yang menyulitkan dan melibatkan perbelanjaan yang besar.<sup>11</sup> Kurangnya

pendedahan daripada pihak-pihak yang berkaitan menyebabkan pelbagai masalah yang timbul daripada orang ramai.

#### **4.2.2 Kelewatan Membuat Tuntutan**

Menjadi kebiasaan waris-waris terutamanya di luar bandar tidak segera memohon pusaka sekiranya peninggalan si mati hanyalah tanah. Waris-waris lebih cenderung menyegerakan permohonan pusaka sekiranya harta si mati itu mengandungi harta alih seperti wang tunai, saham, kenderaan dan sebagainya. Manakala hartanah yang ditinggalkan, ianya tetap masih boleh diusahakan oleh waris-waris walaupun belum diturunmilik atas persetujuan sesama mereka, melainkan ada di antara mereka bercadang untuk mengadakan urusaniaga kemudiannya.<sup>12</sup>

Selain itu, antara masalah lain yang ditimbulkan oleh orang ramai ialah kelewatan membuat tuntutan pembahagian terhadap harta pusaka peninggalan si mati. Kematian yang berlapis-lapis dan penukaran hak milik yang bertukar ganti dan semakin ramai akan menyukarkan lagi keadaan dan menimbulkan pelbagai masalah dan salah faham.<sup>13</sup>

#### **4.2.3 Kegagalan Mengesan Waris-Waris Si Mati**

Kematian pemilik tanah yang terlalu lama sehingga berlaku pula kematian di kalangan waris-waris menjadikan bilangan ahli waris

bertambah ramai dan berlapis-lapis menyebabkan sukar untuk menentukan hubungan kekeluargaan sesama mereka. Kadang-kala terdapat waris-waris yang terus hilang dan tidak dapat dikesan sejak sekian lama.<sup>14</sup>

#### **4.2.4 Kehilangan Dan Keengganan Menyerahkan Dokumen Penting**

Kegagalan waris mendapatkan bukti kematian pemilik tanah kerana kehilangan surat mati atau kematian tidak didaftarkan ataupun mati di luar Malaysia<sup>15</sup> turut menyulitkan permohonan tuntutan penyelesaian pusaka hartanah kerana ianya merupakan prasyarat yang perlu dipenuhi. Di samping itu, masalah juga timbul apabila berlaku kehilangan dokumen-dokumen yang berkaitan disebabkan oleh kecuaiian ahli waris antaranya kehilangan salinan sijil kematian. Ini akan melambatkan dan membantutkan pemrosesannya disebabkan terpaksa menunggu cabutan dokumen yang berkaitan sehingga ke suatu masa yang tertentu.<sup>16</sup>

Di samping itu, sikap ahli waris yang cuba menyembunyikan fakta dan dokumen-dokumen yang berkaitan juga akan menyukarkan proses pembahagian harta pusaka. Terdapat sesetengah ahli waris yang enggan memberikan dokumen yang diperlukan oleh PPP dalam perbicaraan umpamanya salinan hak milik keluaran atau salinan dokumen yang menunjukkan pegangan harta tak alih dan salinan harta alih antaranya

salinan sijil saham, salinan penyata KWSP, buku simpanan bank dan sebagainya.<sup>17</sup>

#### **4.2.5 Ketidaksefahaman Antara Ahli Waris**

Pertelingkahan turut terjadi di kalangan ahli waris di atas alasan kerana masing-masing cuba untuk mendapatkan dan mempertahankan hak masing-masing. Masing-masing cuba untuk menuntut hak malah ada pihak yang cuba mengautnya untuk kepentingan diri sendiri sehingga enggan memberi kerjasama kepada pemohon untuk membuat permohonan.

Mereka tidak dapat mencapai kata sepakat samada untuk membahagikan harta pusaka mengikut hukum faraid atau dengan cara muafakah. Ada sesetengah menuntut supaya diadakan pembahagian secara faraid dan biasanya dari kalangan kaum lelaki kerana sememangnya ketetapan kadar pembahagian dalam Islam menampakkan lebih berpihak kepada lelaki. Namun ketetapan ini selari dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri dan keadilan Islam.

Manakala kaum perempuan pula kebiasaannya lebih cenderung untuk menuntut supaya diadakan pembahagian mengikut kaedah muafakah. Keadaan ini membawa kepada pertelingkahan dan salah

faham di kalangan ahli waris. Rentetan daripada itu ia akan mendatangkan pelbagai masalah sampingan yang biasanya berterusan dan akan melambatkan proses pembahagian harta pusaka sehingga bertahun-tahun malah berlarutan dari satu generasi ke satu generasi.<sup>18</sup>

#### **4.2.6 Ketidakhadiran Ahli Waris Ketika Perbicaraan**

Pertelingkahan yang berlaku juga akan mengakibatkan sesetengah waris enggan menghadirkan diri pada hari perbicaraan. Ketidakhadiran sesetengah pihak boleh menghalang kelancaran sesuatu kes sehingga kadangkala notis perbicaraan terpaksa dihantar sehingga berkali-kali sedangkan kehadiran semua ahli yang terbabit semasa perbicaraan amatlah perlu. Maklumat yang berkaitan tidak dapat diperolehi dengan tepat dan kemungkinan berlaku penyelewengan fakta. Keadaan ini akan menyebabkan sesuatu kes terpaksa ditangguhkan selama bertahun-tahun.<sup>19</sup>

#### **4.2.7 Pemecahan Hak Milik Tanah Yang Sempit**

Dalam sebahagian kes melibatkan hartanah, kebanyakan bahagian waris-waris terlalu kecil disebabkan pembahagian dibuat secara faraid. Pembangunan hartanah tersebut memerlukan persetujuan kesemua waris-waris dalam sesuatu hakmilik. Manakala mewujudkan hakmilik

berkongsi (*joint-ownership*) menimbulkan pertikaian di kalangan pemilik kongsi berhubung kedudukan bahagian masing-masing di atas tanah.<sup>20</sup>

Selain masalah-masalah yang dikemukakan di atas, pertukaran hak milik ke atas tanah-tanah yang sempit tapi mempunyai ahli-ahli waris yang ramai juga mungkin mendatangkan masalah kepada PPP. Ini disebabkan semua pihak ingin mempertahankan hak masing-masing dan berkeras untuk tidak mahu bertolak ansur dengan menyerahkan kepada satu pihak dengan membuat tuntutan nilai dalam bentuk wang ringgit mengikut kadar-kadar yang tertentu. Mereka tetap mahu supaya tanah itu diagihkan sama rata dan sama-sama mendapat bahagian walaupun teramat sedikit. Keadaan ini timbul disebabkan anggapan bahawa setiap tanah pusaka mempunyai nilai harga dan lambang kebendaaan yang menjadi hak untuk dimiliki. Oleh itu, tidak mustahil ahli waris sanggup mengorbankan jumlah wang yang banyak semata-mata untuk merebut hak mereka yang amat sedikit yang kemungkinan nilai kadarnya sama atau lebih rendah daripada wang yang dibelanjakan.<sup>21</sup>

### **4.3 Masalah yang timbul daripada pihak si mati sebelumnya**

#### **4.3.1 Tiada Dokumen Penjualan Tanah Yang Sah**

Di samping masalah-masalah yang timbul dari pihak ahli waris, terdapat masalah yang berpunca daripada pihak si mati itu sendiri. Antara

masalah yang timbul akibat daripada si mati ialah masalah yang berkaitan dengan penjualan tanah oleh si mati semasa hayatnya tanpa mempunyai surat perjanjian yang sah. Keadaan ini akan menyulitkan proses pembahagian harta pusaka di mana urusan tersebut akan diserahkan kepada salah seorang ahli waris tanpa boleh ditukar nama terus kepada pembeli tanah tersebut.<sup>22</sup>

#### **4.3.2 Pengenehan Hak Waris Lain Melalui Pemberian Hibah**

Pertelingkahan di kalangan ahli waris yang berterusan mendatangkan kesan dalam proses perbicaraan. Antara pertelingkahan yang biasa berlaku semasa perbicaraan akibat daripada tindakan si mati yang telah memberikan hartanya secara hibah kepada sesetengah pihak dengan mengenehkan pihak yang lain yang sebenarnya juga mempunyai hak untuk mendapatkan harta tersebut. Masalah ini mungkin bertambah rumit sekiranya penukaran hak milik belum didaftarkan di Pejabat Tanah. Keadaan ini akan menimbulkan kerumitan dan perbalahan yang sengit di kalangan ahli waris akibat daripada perasaan tidak puas hati pihak yang tidak mendapat apa-apa bahagian.<sup>23</sup>

#### **4.3.3 Kesilapan Nama Pada Surat Beranak**

Di samping itu, sekiranya si mati mempunyai anak angkat yang telah dibin atau dibintikannya dengan namanya di dalam surat beranak,

kemudian setelah berlaku kematian pemohon telah menyenaraikan nama anak angkat tersebut sebagai salah seorang yang berhak menerima harta peninggalan si mati. Ini akan menimbulkan sedikit kerumitan kepada PPP kerana nama yang tertera di dalam surat beranak menjadi bukti yang sah bahawa anak angkat tersebut berhak menerima harta pusaka tersebut. Sedangkan undang-undang Islam menetapkan bahawa anak angkat tidak berhak untuk mendapat apa-apa bahagian daripada harta pusaka melainkan harta tersebut diberikan semasa hayat si mati atau diwasiatkan. Oleh itu, pembahagian tersebut terpaksa ditangguh semula untuk mendapatkan pengesahan nasab dari Mahkamah Syariah.<sup>24</sup>

#### **4.3.4 Pelaksanaan Wasiat Yang Tidak Sempurna**

Dalam kes si mati meninggalkan wasiat yang kadang-kadang tidak dibuat dengan kaedah dan prosedur yang sebenar dan mungkin bercanggah dengan kehendak syarak seperti melebihi kadar 1/3 daripada harta yang ditinggalkan dan kepada ahli waris yang berhak menerima pusaka mewujudkan masalah yang berpanjangan di kalangan ahli waris.

Wasiat yang ditinggalkan oleh si mati samada bertulis atau lisan kadang-kadang boleh menimbulkan pemahaman yang berbeza di antara ahli waris. Terdapat juga penarikan balik wasiat yang telah dikeluarkan sebelumnya tanpa dimaklumkan kepada ahli waris keseluruhannya. Kes



seperti ini akan memakan masa yang lebih lama kerana terpaksa di rujuk ke Mahkamah Syariah.<sup>25</sup>

Kesimpulannya, penulis berpendapat kepincangan dan kelemahan yang didapati tidak kira samada dari pihak ahli waris atau pihak pengurusan dan pentadbiran harta pusaka orang Islam, sewajarnya diatasi dan dicari titik penyelesaian yang sebaik mungkin dalam usaha memastikan pentadbiran pusaka hartanah orang-orang Islam di Kelantan dapat berjalan lancar serta dapat menjamin kesejahteraan dan kepuasan semua pihak. Persefahaman dan kerjasama daripada semua pihak amat perlu dalam memudahkan dan melancarkan proses pengurusan dan pembahagian harta pusaka samada berdasarkan ketetapan yang ditentukan oleh hukum faraidh atau dengan persetujuan bersama di kalangan ahli waris yang berkaitan.

## NOTA HUJUNG

---

<sup>1</sup> Hj. Abdullah bin Muhammad, "*Pembahagian Harta Pusaka Kecil – Perspektif Masa Kini dan Cabaran Alaf Baru*", Kertas Kerja dlm. Seminar Harta Pusaka di IKIM pada 24 November 1997, hal. 17

<sup>2</sup> Temubual dengan Encik Mohd. Zain Bin Dollah, Ketua Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka Kecil, JKPTG Negeri Kelantan pada 19 Jun 2001.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Abdullah Hj. Muhammad, op.cit., hal. 17.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Ibid., hal. 32.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> "Isteri Pertama Jadi Waris Peneroka Felda" dalam Berita Harian, 31 Januari 2001.

<sup>11</sup> Abdullah Hj. Muhammad, op.cit., hal. 17

<sup>12</sup> Ibid. hal. 16

<sup>13</sup> Temubual dengan Encik Mohd. Zain Bin Dollah, op.cit..

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Ibid

<sup>17</sup> Ibid

<sup>18</sup> Temubual dengan Encik Mohd. Zain Bin Dollah, op.cit..

<sup>19</sup> Ibid

---

<sup>20</sup> Nik Mohd. Zain bin Nik Yusoff (Prof.) (Dr.), "*Pentadbiran Harta : Pembangunan Harta Pusaka*" dalam *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, ed. Abd. Monir Yaakob, Mohd. Fauzi Mustaffa (1999), Kuala Lumpur: IKIM, hal. 63.

<sup>21</sup> Temubual dengan Encik Mohd. Zain Bin Dollah, op.cit..

<sup>22</sup> Ibid

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Ibid.